



**KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

**MINISTRY OF HEALTH MALAYSIA**

Kementerian Kesihatan Malaysia,  
Aras 4, Blok E10, Parcel E,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan  
Persekutuan,  
62590 Putrajaya  
Tel : 603-8883 2544  
Faks : 603-8889 5601  
E-mail : kkm@moh.gov.my

**KENYATAAN AKHBAR  
TIMBALAN KETUA PENGARAH KESIHATAN (KESIHATAN AWAM)  
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

**SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI DI MALAYSIA  
Bagi Minggu 38/2013 (15 hingga 21 September 2013)**

**“Jumlah Kematian Akibat Denggi Terus Meningkat”**

Seorang lelaki berusia 36 tahun dari Selangor yang bekerja di kilang perabot dan seorang perempuan berusia 20 tahun yang merupakan pelajar perubatan di sebuah universiti di WP Kuala Lumpur menjadi kes terbaru kematian demam denggi yang dilaporkan pada minggu ke 38 (15 hingga 21 September 2013). Pesakit yang mengalami demam, sakit tekak, muntah, hilang selera makan dan dehidrasi telah mendapatkan rawatan di klinik dan seterusnya dirujuk ke hospital sebelum dimasukkan ke wad. Setelah keadaan menjadi semakin kritikal, pesakit telah dimasukkan ke Unit Rawatan Rapi (ICU) untuk rawatan lanjut. Walau bagaimanapun, setelah dirawat di ICU, pesakit meninggal dunia akibat “Dengue Shock Syndrome.” Hasil siasatan Pejabat Kesihatan di rumah kediaman pesakit mendapati kadar pembiakan Aedes adalah tinggi iaitu masing-masing pada kadar 11.8% dan 14.7%. Negeri dengan kes kematian denggi yang tertinggi adalah 12 di Selangor, diikuti oleh 11 kematian di Johor dan tujuh (7) di WP Kuala Lumpur. Secara kumulatif, sejumlah **45 kes** kematian denggi telah dilaporkan diseluruh Malaysia, **meningkat sebanyak 18**

**kematian (67%) berbanding 27 kematian** bagi tempoh yang sama tahun lepas.

Pada tempoh yang sama juga sejumlah 946 kes demam denggi telah dilaporkan iaitu peningkatan sebanyak 103 kes (12.2%) berbanding 843 kes bagi minggu sebelumnya. Ia juga adalah jumlah kes mingguan yang tertinggi yang telah dilaporkan pada tahun ini. Terdapat lapan (8) negeri yang menunjukkan peningkatan kes berbanding minggu sebelumnya iaitu Selangor 118 kes (28%), WP Kuala Lumpur & Putrajaya 21 kes (68%), Terengganu 14 kes (88%), Sarawak 3 kes (20%), Kedah 2 kes (18%), Sabah 2 kes (17%), Melaka 2 kes (3%) dan Kelantan 1 kes (3%).

Jumlah terkumpul kes denggi yang dilaporkan pada tahun ini adalah **21,453 kes, peningkatan kes sebanyak 5,503 kes (35%)** berbanding hanya **15,950 kes** demam denggi yang dilaporkan bagi tempoh yang sama pada tahun lepas. Negeri Selangor paling banyak melaporkan kes pada tahun ini iaitu 10,051 kes (47%) diikuti Johor 2,854 kes (13%) dan WP Kuala Lumpur & Putrajaya 1,563 kes (7%).

Sejumlah 226 lokaliti wabak denggi dilaporkan berbanding 215 lokaliti pada minggu sebelumnya dengan Selangor sebanyak 163 lokaliti, Johor 20 lokaliti, WP Kuala Lumpur & Putrajaya 13 lokaliti, Melaka 9 lokaliti, Perak 7 lokaliti, masing-masing 3 lokaliti di Pulau Pinang dan Pahang, masing-masing 2 lokaliti di Negeri Sembilan, Perlis dan Terengganu serta masing-masing 1 lokaliti di Kelantan dan Sarawak. Daripada 226 lokaliti, 19 lokaliti dikategorikan sebagai lokaliti hotspot denggi dengan 18 lokaliti dilaporkan di Selangor manakala selebihnya di Perak.

Paling lama tempoh berlaku wabak di lokaliti hotspot iaitu 98 hari adalah di PJS 8 Mentari Court 1 (Blok A, B, C,D) dan (Blok E, F & G) dengan 125 kes yang dilaporkan. Masalah persekitaran yang kotor dengan sampah di kawasan ini merupakan penyebab kepada pembiakan Aedes yang berterusan di mana kadar pembiakan Aedes yang ditemui adalah pada kadar masing-masing 28.6% dan 38.2%. Begitu juga dengan lokaliti hotspot yang lain di mana 74% (14 lokaliti) masih mempunyai kadar Indeks Aedes yang tinggi. Ini menunjukkan lokaliti ini akan terus menerus menjadi punca jangkitan demam denggi dan lokaliti *hotspot* negara jika masyarakat masih tidak sedar akan bahaya demam denggi dan berusaha membantu KKM dalam mengawal penularan jangkitan denggi dilokaliti tersebut.

Kementerian Kesihatan memandang serius dengan peningkatan kes dan kematian denggi yang melanda negara sejak kebelakangan ini. Dalam menghadapi situasi kes dan kematian denggi kini yang semakin meningkat masyarakat diseru untuk mencari dan menghapuskan tempat-tempat pembiakan Aedes di sekitar rumah masing-masing. Hanya luangkan masa 10 minit seminggu. Ingatlah “Aedes Membunuh”.

**DATUK DR LOKMAN HAKIM BIN SULAIMAN**

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)

Kementerian Kesihatan Malaysia

**23 September 2013**

**KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 38/2013**  
(15 hingga 21 September 2013)

Bil	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan		Jumlah Terkumpul kes Denggi sehingga minggu 38/2013	Jumlah Terkumpul kes Denggi sehingga minggu 38/2012
		Minggu 38 (15 – 21 Sept 2013)	Minggu 37 (8 – 14 Sept 2013)		
1	Perlis	5	8	173 (1)	136
2	Kedah	13	11	611 (1)	638 (3)
3	P. Pinang	24	38	593 (2)	587 (1)
4	Perak	28	53	1,313 (1)	1,226 (5)
5	Selangor	542 (1)	424 (1)	10,051 (12)	6,865 (11)
6	WPKL & Putrajaya	52 (1)	31	1,563 (7)	1,399 (3)
7	N. Sembilan	18	23	469	379 (1)
8	Melaka	61	59 (1)	570 (3)	366
9	Johor	89	89	2,854 (11)	1,211 (1)
10	Pahang	16	29 (1)	447 (1)	479 (1)
11	Terengganu	30	16	326	587
12	Kelantan	36	35 (1)	1,003 (2)	888
13	Sarawak	18	15	995 (3)	796
14	Sabah	14	12	476 (1)	385 (1)
15	WP Labuan	0	0	9	8
	Jumlah	946 (2)	843 (4)	21,453 (45)	15,950 (27)

Nota: ( ) Kematian

\* Bilik Gerakan Denggi Kebangsaan

**SENARAI LOKALITI “HOTSPOT” DILAPORKAN  
PADA MINGGU 38 BAGI TAHUN 2013**

<b>Bil</b>	<b>Negeri</b>	<b>Daerah</b>	<b>Lokaliti</b>	<b>Jumlah Kes</b>	<b>Tempoh Wabak Berlaku (Hari)</b>	<b>Indeks Aedes</b>
1	Selangor	Petaling	Pjs 8 Mentari Court 1 (Blok A, B, C,D)	88	98	28.6%
2	Selangor	Petaling	Pjs 8 Mentari Court 2 (Blok E, F & G)	37	98	38.25
3	Selangor	Petaling	Seksyen 7 Shah Alam Flat A (Blok 1 - Blok 12 & Blok 38 - Blok 43)	50	77	0.7%
4	Selangor	Petaling	Seksyen 13 (Apartment Perdana)	19	75	60%
5	Selangor	Petaling	Seksyen 7 Shah Alam Flat C (Blok 44 - Blok 51)	31	70	11.1%
6	Selangor	Petaling	Seksyen 7 Shah Alam Flat B (Blok 13 - Blok 37)	37	56	10.3%
7	Selangor	Petaling	Seksyen 7 Shah Alam Teres B Zon A (Jln 7/29 - 7/30, Unisel & Jln A7/A - F7/F)	14	50	6.9%
8	Selangor	Petaling	Seksyen 7 Pangsapuri Baiduri	6	49	9.1%
9	Selangor	Petaling	Seksyen U4 Pangsapuri Damai	11	49	12.5%
10	Selangor	Petaling	Seksyen 20 Taman Paramount	6	49	3%
11	Selangor	Petaling	Pjs 6 Flat Desa Mentari 2 (Blok 4, 5 , 6)	10	38	0%
12	Selangor	Gombak	Tmn Desa Jaya Zon 6	14	35	8.3%
13	Selangor	Petaling	Ss 9a 1 (Jln 9a/3,5,6,7,8,9,10,11,12,17, 20 )	4	35	1.5%
14	Selangor	Petaling	Seksyen 27 Flat A (Blok 1 - Blok 6)	7	34	4%

<b>Bil</b>	<b>Negeri</b>	<b>Daerah</b>	<b>Lokaliti</b>	<b>Jumlah Kes</b>	<b>Tempoh Wabak Berlaku (Hari)</b>	<b>Indeks Aedes</b>
15	Selangor	Petaling	Seksyen 7 Shah Alam Teres B Zon B (Jln 7/24 - 7/27)	12	34	4%
16	Selangor	Petaling	Pusat Bandar Puchong 5 (Sri Pinang )	11	34	1.8%
17	Selangor	Petaling	Upm Serdang Kolej 17	13	34	0%
18	Selangor	Petaling	Taman Lestari Putra 4	7	34	0%
19	Perak	Batang Padang	Kg Baru Cold Stream	9	32	0.3%